

12 SEP 1999

Zulkifli-Konvensyen

"DEKLARASI TUARAN" SEMPERNA KONVENSYEN PEMUDA BN DI SABAH

TUARAN, 12 Sept (Bernama) -- Konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) kebangsaan yang akan berlangsung di sini antara 15 Sept dan 18 Sept ini dijangka membuat satu ketetapan yang antara lain memuatkan rumusan-rumusan sepanjang konvensyen berkenaan.

Setiausaha Pemuda BN, Zulkifli Alwi berkata ketetapan berkenaan yang dikenali sebagai "Deklarasi Tuaran" akan diserahkan kepada pucuk pimpinan BN kelak.

Seramai 400 anggota pergerakan pemuda daripada 14 parti komponen BN, termasuk 200 dari Semenanjung, akan menghadiri konvensyen yang bertemakan "Teruskan Perjuangan BN Ke Alaf Baru" di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan syarahan perdana pada konvensyen berkenaan pada petang 18 Sept ini manakala Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucapan pada sebelah malam 15 Sept.

Syarahan Perdana oleh Dr Mahathir antara lain dijangka menggariskan fungsi dan tanggungjawab Pemuda BN sebagai pewaris kepimpinan negara, katanya.

Ketika bercakap pada sidang media di sini, Zulkifli berkata beberapa pemimpin negara akan turut menyampaikan kertas kerja masing-masing pada konvensyen yang diadakan setiap dua tahun sekali.

Mereka termasuk Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin yang akan menyampaikan kertas kerja mengenai ekonomi, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai pendidikan dan kepimpinan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob mengenai persiapan pilihan raya.

"Konvensyen antara lain akan menyentuh pelbagai isu dan yang paling penting ialah persiapan Pemuda BN dalam membantu jentera parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Satu forum akan turut diadakan pada konvensyen itu yang akan disertai Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat, katanya.

Zulkifli meminta semua anggota pergerakan Pemuda BN datang ke konvensyen itu dengan satu semangat jitu agar Pemuda BN terus proaktif dalam perjuangannya.

-- BERNAMA

JS LAT